

**Sultan K'tan pengerusi mesyuarat Majlis Raja-Raja
Malaysiakini.com
October 12,2011**

Sultan Kelantan Sultan Muhammad V hari ini mempengerusikan Mesyuarat ke-225 Majlis Raja-Raja di Istana Negara.

Mesyuarat hari pertama itu dihadiri semua Raja Melayu kecuali Terengganu diwakili Tengku Seri Bendahara Raja Tengku Mustaffa Kamel dan Pahang oleh Tengku Mahkota Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Baginda semua diiringi Menteri Besar masing-masing manakala Yang Dipertua Negeri-Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Sabah dan Melaka diiringi Ketua Menteri masing-masing kecuali Sarawak yang tidak hadir dalam mesyuarat itu.

Santapan malam bagi memulakan Mesyuarat ke-225 Majlis Raja-Raja diadakan di Istana Negara malam ini.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/178418>